



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

MALAYSIA DIPILIH SEBAGAI PRESIDEN PERSIDANGAN UN-HABITAT, MENERAJUI 193 NEGARA ANGGOTA KE ARAH PEMBANGUNAN BANDAR MAMPAN

NAIROBI, KENYA (30 MEI 2025) – Hari ini merupakan satu detik bersejarah bagi Malaysia apabila secara rasmi telah dipilih sebagai Presiden Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) bagi penggal 2025-2029.

Malaysia mencatat sejarah manis ini apabila mendapat sokongan sebulat suara daripada kesemua 193 negara anggota dan pengumuman rasmi mengenainya telah dibuat semasa sesi Pemilihan Pegawai Biro dalam Persidangan UN-Habitat di Nairobi hari ini.

Delegasi Malaysia yang diwakili oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil alih kepimpinan daripada Mexico yang mewakili benua Amerika Latin dan Caribbean dalam penggal yang lalu.

Di dalam penggal ini, Malaysia akan memegang jawatan Presiden dan satu kerusi di Lembaga Eksekutif bersama-sama dengan Emiriah Arab Bersatu untuk mewakili rantau Asia Pasifik.

“Malaysia mengambil tanggungjawab sebagai Presiden ini bersama-sama dengan rakan sejawat kami yang dihormati dari Emiriah Arab Bersatu. Komitmen bersama ini melambangkan perpaduan serantau dan dedikasi kami terhadap kelestarian bandar. Bersama-sama, kami akan memastikan bahawa Persidangan ini dapat menghubungkan di antara matlamat global dengan realiti tempatan.” kata Nga dalam ucapannya di sini.

Beliau menambah bahawa “untuk mengukuhkan dasar pelbagai hala dan agenda UN-Habitat, kedua-dua Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu menyeru semua negara anggota agar menggandakan usaha dalam melaksanakan Agenda Bandar Baharu.

Nga turut berkata bahawa ini adalah satu bukti kukuh bahawa Malaysia telah mendapat kepercayaan global apabila diberi penghormatan memegang jawatan Presiden oleh sebuah badan sejagat di dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang melibatkan 193 negara anggota.

"Ini adalah satu kejayaan bersejarah bagi Malaysia. Ia bukan sahaja membuktikan bahawa negara kita telah kembali ke pentas antarabangsa di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, tetapi ia juga mencerminkan pengaruh Malaysia yang semakin meningkat di arena global. Seiring dengan perkembangan terkini ini, sokongan rakyat menjadi lebih penting daripada sebelum ini."

"Ini adalah kejayaan bersama rakyat Malaysia seiring dengan usaha kita untuk terus menunjukkan komitmen dan pencapaian dalam pembangunan bandar Lestari. Kini 53% daripada 156 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menerajui Semakan Tempatan Sukarela atau *Voluntary Local Reviews* (VLR) untuk meletakkan kita di landasan tepat ke arah liputan penuh di seluruh negara menjelang tahun 2030."

Sejurus selepas persidangan, Nga turut memberi jaminan bahawa Malaysia dan UAE bersedia untuk memimpin dengan integriti, inklusiviti dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang digariskan oleh PBB.

Sementara itu, Mohammed Ibrahim Al Mansoori, Ketua Pengarah Program Perumahan Sheikh Zayed, Emiriah Arab Bersatu berkata, "Ini adalah satu penghormatan buat UAE untuk dipilih sebagai Presiden Persidangan UN-Habitat dan berkhidmat secara bersama dengan Malaysia di dalam Lembaga Eksekutif UN-Habitat.

"Kerjasama ini akan berpaksikan kepada koordinasi strategik dan matlamat yang dikongsi bersama ke arah masa depan yang lebih baik." tambah beliau.

Persidangan UN-Habitat yang beribu pejabat Nairobi, Kenya, telah diwujudkan sejak tahun 1975 dan telah dinaik taraf menjadi program penuh oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2001. Ia merupakan badan pembuat keputusan tertinggi di peringkat global mengenai pembangunan lestari dan

EMBARGOED UNTIL 30 MAY 2025 9PM MYT

penempatan manusia yang bersidang setiap empat tahun dan memainkan peranan penting dalam merangka dasar global untuk bandar dan komuniti.

Sebagai Presiden, Malaysia akan bekerjasama rapat dengan Lembaga Eksekutif UN-Habitat serta rakan kongsi global untuk memperkukuh kerjasama pelbagai hala, mempromosikan bandar yang lestari, inklusif dan berdaya tahan serta berdaya huni dalam mendepani perubahan iklim di seluruh dunia.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#Kemampanan
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanise Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my